

Pendaftaran haji 2024 bermula

KOCMA 27/12/2023 M/S: 34

RIYADH - Arab Saudi mula membuka pendaftaran rasmi bagi jemaah haji luar negara untuk ibadah haji tahun 2024, lapor akhbar *Arab News* kelmarin.

"Umat Islam dari seluruh dunia kini boleh mendaftar bersama keluarga untuk Haji 1445/2024 melalui aplikasi Nusuk Haji di bawah Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi," kata Pusat Komunikasi Antarabangsa (CIC).

Aplikasi Nusuk Haji adalah

platform yang diselia oleh Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi. Ia menawarkan pelbagai pakej kepada jemaah oleh penyedia perkhidmatan yang sah.


Jemaah boleh mendaftar nama selepas mencipta akaun peribadi dengan meletakkan alamat e-mel dan memilih negara tempat tinggal semasa termasuk negara yang berkhidmat untuk Haji 2024.

Haji 2023 merekodkan kapasiti

ti penuh pertama dalam tempoh pasca pandemik.

Seramai 1,845,045 jemaah termasuk 1,660,915 jemaah luar negara dan 184,130 jemaah tempatan menunaikan haji pada 2023.

Jemaah haji dari negara-negara Asia adalah seramai 1,056,317 orang iaitu 63.5 peratus manakala dari negara Arab seramai 346,214 orang dan mewakili 21 peratus daripada jumlah keseluruhan jemaah haji 2023. - AGENSI



GAMBAR fail umat Islam berada di sekitar Kaabah, Masjidil Haram pada 30 Jun lalu. - AFP